KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	01.06.22	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PERHILITAN			



Tular dalam media sosial tentang kemunculan seekor harimau belang yang dilihat berkeliaran di kawasan bukit dipercayai Hulu Paka, Dungun.

Perhilitan siasat penemuan harimau belang di Hulu Paka

KUALA TERENGGANU - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu menyiasat laporan tentang kelibat seekor harimau belang berkeliaran di kawasan bukit Hulu Paka, Dungun, beberapa hari lalu.

Pengarahnya, Loo Kean Seong berkata, pihaknya ada menerima laporan tentang penemuan harimau belang itu pada Ahad lalu sebelum pemantauan dibuat di kawasan berkenaan.

"Berdasarkan rakaman video tular, berkemungkinan itu adalah harimau belang betina dengan berat kira-kira 100 kilogram (kg)," katanya ketika dihubungi di sini pada Selasa.

Menurut Kean Seong, sebelum ini Perhilitan ada menerima aduan sama di lokasi tersebut dan pihaknya bertindak memasang dua perangkap sejak Mac lalu.

Beliau berkata, sehingga kini perangkap tersebut masih aktif walaupun belum mengena.

"Orang ramai yang melihat kemunculan harimau agar segera menghubungi Perhilitan bagi membolehkan tindakan pantas diambil," katanya.

SH010622_24